

Salleh hargai usaha UMS bina Rumah Komuniti

DE 22.1.2018 2

KOTA BELUD: Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak menghargai usaha Universiti Malaysia Sabah (UMS) membina Rumah Komuniti menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi membantu golongan kurang berkemampuan memiliki rumah.

Salleh berkata inisiatif UMS itu juga patut dipuji kerana ia merupakan kerjasama diberikan institusi pendidikan tinggi dengan menggunakan kepakaran dan tenaga sukarelawan universiti berkenaan dalam membantu kerajaan merencanakan lagi usaha pemilikan rumah untuk rakyat.

"Projek Rumah Komuniti ini adalah satu usaha kemasyarakatan oleh UMS yang mengutamakan mereka yang tergolong dalam golongan miskin, tidak mempunyai

pendapatan tetap dan tidak mempunyai rumah sendiri, dan ia merupakan projek rumah percuma diagihkan kepada golongan sasaran yang layak.

"Pelajar UMS telah menyumbangkan tenaga sukarelawan mereka untuk membina rumah-rumah tersebut. Rasa tanggungjawab dan nikmat perlu dikongsi bersama terutama kepada mereka yang memerlukan," katanya ketika berucap sebelum menyempurnakan majlis penyerahan sebuah Rumah Komuniti di Kampung Pantai Emas, di sini pada Ahad.

Rumah Komuniti berkeluasan 55.74183 meter persegi dengan tiga bilik, satu bilik air, dapur dan ruang tamu itu diserahkan kepada seorang penduduk Kota Belud Rodzlee Adkil yang merupakan seorang nelayan dan penjaja kecil-kecilan dengan

anggaran pendapatan bulanan RM400 sebulan.

Rumah Komuniti dengan kos kira-kira RM20,000 itu dibina menggunakan sistem binaan berindustri (IBS) itu disiapkan dalam tempoh kurang daripada satu bulan.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamaruddin D Mudin berkata selain di Kota Belud, tiga lagi projek Rumah Komuniti CSR UMS telah dibina di Sipitang, Tawau dan Sandakan dan akan dirasmikan pada Februari ini.

Dalam pada itu, Rodzlee, 36, ketika ditemui pemberita melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak UMS atas keprihatinan mereka memberikan rumah yang disifatkannya begitu selesa bagi beliau dan isteri serta enam anak mereka. - Bernama